

14 kediaman pondok *hangus*

Kejadian disedari ketika penghuni sedang membaca Yasin

ROSALWANI CHE SOH

KOTA BHARU - Sebanyak 14 unit kediaman kayu pondok Muhammadiyah Beta Hillir musnah dalam kebakaran di sini, malam kelmarin.

Kejadian kira-kira jam 7.45 malam itu disedari seorang pelajar pondok ketika dia bersama 187 penghuni pondok sedang membaca Yasin selepas solat Maghrib dalam masjid berhampiran kawasan kejadian.

Ahmad Fadzuddin Zulkifli, 18, berkata, ketika kejadian dia menyedari api bermula dari dalam pondok dan nampak kebakaran terus merebak.

"Selepas itu saya terus panggil semua rakan dan kami sempat menyelamatkan beberapa tong gas dan kitab yang ada dalam pondok.

"Namun barangan lain tidak dapat diselamatkan kerana api begitu cepat marak dan terus merebak," katanya.

Menurutnya, dia bersama rakannya cuba memadamkan api dengan mengambil air di

INFO • Api dilibat bermula dari dalam pondok sebelum merebak

kawasan kolah masjid, namun kebakaran makin merebak dan ketika itu ada penduduk cuba menghubungi bomba.

Sementara itu, kakitangan madrasah, Mohd Hanif Mohd Razali, 28, berkata, selepas menyedari tentang kejadian itu, dia turut melaungkan azan.

"Namun usaha kami masih tidak berbasil dan akhirnya bomba tiba dan membantu memadamkan kebakaran," katanya.

Sementara itu, Penolong Pengarah Operasi Bomba dan Penyelamat Kelantan, Penguasa Kanan Bomba II, Hussin Ab Rahman berkata, pihaknya tiba di lokasi pada jam 8.10 malam dengan empat jentera dari tiga balai termasuk Ketereh, Tunjong dan Darul Naim bersama 29 anggota.



Kebanyakan pelajar tidak sempat menyelamatkan barang peribadi kerana api marak terlalu cepat.

"Kita berjaya kawal api pada jam 8.20 malam dan operasi diteruskan sehingga jam 9 malam dan api dapat dikawal sepenuhnya.

"Tiada kecederaan di-

laporkan dan hanya kediaman pondok yang musnah. Kita masih menjalankan siasatan berhubung punca dan kerugian yang ditanggung akibat kejadian itu," katanya.

Kebakaran dipercayai berpunca akibat litar pintas

KOTA BHARU - Kebakaran 14 unit kediaman pondok Madrasah Muhammadiyah Pondok Beta Hillir di sini semalam dipercayai berpunca daripada litar pintas.

Mudir madrasah, Mohd Jalaluddin Hasayuti Mohamed, 49, berkata, sistem pendawaian lama mungkin menyebabkan punca kebakaran.

"Ketika kejadian saya tiada di kawasan madrasah kerana menghadiri kuliah Maghrib sebagai penceramah di masjid Dewan Beta tidak jauh dari lokasi pondok.

"Saya hanya mengetahui



Mohd Jalaluddin Hasayuti melihat keadaan kawasan pondok yang terbakar.

mengenai kejadian selepas dimaklumkan oleh pelajar yang datang ke masjid dan

terus bergegas ke kawasan kejadian," katanya.

Mohd Jalaluddin berkata, ketika tiba, api sudah pun marak dan ketika itu pihak bomba sedang berusaha memadam kebakaran.

"Apapun saya bersyukur. Walau pun bangunan pondok musnah, namun tiada kemalangan jiwa dilaporkan.

"Setakat ini kesemua 24 pelajar yang tidak mempunyai tempat tinggal akan ditempatkan di blok asrama di tingkat tiga buat sementara,"

katanya ketika ditemui di pondok itu semalam.

Sementara itu, Timbalan Yang Dipertua Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (Maik), Dr Nik Azlan Abd Hadi berkata, sumbangan wang berjumlah RM54,000 yang disampaikan kepada pengurusan pondok merupakan bantuan segera bagi membantu pihak berkenaan.

"Kita akan salurkan bantuan untuk membina baru bangunan pondok yang musnah.

"Insyaa-ALLAH, selain bantuan berkenaan kita akan lihat keperluan lain bagi membantu kebajikan pengurusan pondok itu," katanya.

Selain itu, Nik Azlan turut menasihatkan supaya pengurusan pondok dan sekolah tahfiz di negeri ini juga turut mementingkan aspek keselamatan pondok dan pemeriksaan pendawaian mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP).

Tidak dapat menyelamatkan barangan dalam pondok

KOTA BHARU - Rata-rata pelajar pondok tidak dapat menyelamatkan barangan dalam kediaman mereka ekoran api merebak begitu cepat dan ketika kejadian, mereka sedang membaca Yasin di masjid berhampiran selepas solat Maghrib.

Seorang pelajar ditemui, Muhammad Abdul Jamali, 18, berasal dari Bentong, Pahang yang belajar di madrasah itu sejak lima tahun lalu berkata, ketika kejadian dia berada dalam masjid bersama jemaah dan seramai 187 penuntut di pondok itu semuanya sedang khusyuk membaca Yasin.

"Saya hanya menyedari tentang kebakaran selepas dimaklumkan rakan yang nampak api dari kawasan dalam pondok. Selepas itu saya dan rakan-rakan terus bergegas ke kawasan pondok dan menyelamatkan apa yang boleh termasuk baju, almari serta wang bernilai RM1,000.

"Mujurlah saya sempat menyelamatkan beberapa barangan penting, namun selepas itu api semakin merebak dan kami tidak dapat berbuat apa-apa dan hanya mampu melihat api terus membakar keseluruhan kawasan tempat tinggal kami," katanya kepada pemberita.

Sementara itu, Mohamad Fakrul Rozi Abdul Fatah, 19, dari Kampung Baru Nelayan, Tumpat, berkata, dia hanya sempat menyelamatkan pakaian manakala barangan makanan tidak dapat diselamatkan kerana api merebak begitu cepat.

"Kami hanya sempat menyelamatkan kitab dan beberapa barangan asas, namun barangan lain tidak sempat diselamatkan dan kesemuanya hangus sekaligus dalam kebakaran itu," katanya.

Muhammad Syawal Zainuddin, 15, pula berkata, dia tidak sempat menyelamatkan barangannya dalam kebakaran itu dan tinggal sehelai-sepinggang.

"Masa saya sedar kejadian itu, api dah semakin marak, jadi saya ambil keputusan tidak masuk ke dalam. Lagipun keadaan ketika itu bahaya dan pihak bomba berusaha memadamkan kebakaran," katanya.

Seorang lagi pelajar, Muhammad Hafizul Muhd Nazaruddin, 25, yang berasal dari Kampung Sabak di Pengkalan Chepa hanya sempat menyelamatkan kitab pelajaran, baju dan telefon bimbit.



Kesemua 14 kediaman pondok Madrasah Muhammadiyah yang hangus sekaligus.

Nik Azlan kanan menyampaikan sumbangan kepada mudir Madrasah Muhammadiyah, Mohd Jalaluddin Hasayuti di kawasan kawasan kejadian dalam kunjungan semalam.

